

Pemilihan MPP USIM Melalui Sistem e-UNDI

Oleh: Nur Ashra Ezra Zulkanain 1180333

NILAI: Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi sesi 2020/2021 pada 26 November 2020 dijalankan secara atas talian melalui sistem e-undi.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Md Ishah Rahman berkata, pemilihan MPP kali ini amat memberangsangkan kerana telah berjaya mencatat peratusan pengundian sebanyak 89.79 peratus bermula dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

Katanya, keputusan rasmi Pemilihan MPP USIM 2020/2021 telah diumumkan oleh Naib Canselor USIM, Professor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin.



USIM catat 89.79 peratus dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar melalui sistem e-UNDI

Menurutnya, peratusan pengundian ialah dari Fakulti Pergigian (FPG) seramai 195 pelajar dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) seramai 228 pelajar mencatat 100 peratus pelajar yang mengundi.

Ini diikuti oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan seramai 491 pelajar yang turun mengundi telah mencatat sebanyak 98 peratus.

“Bilangan calon untuk pemilihan MPP kali ini seramai 39 calon bertanding iaitu seramai 16 calon bertanding bagi Kerusi Umum manakala 23 calon bertanding bagi Kerusi Fakulti,” katanya dalam sesi temubual di sini.

Dalam pada itu, Md Ishah berkata, kekangan yang dihadapi sepanjang proses Pemilihan MPP USIM 2020/ 2021 adalah medium promosi dan hebahan yang digunakan untuk memastikan semua pelajar turun mengundi.

“Harapan kami untuk legasi pimpinan MPP USIM 2020/2021 kali ini agar mereka berwawasan jauh dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan menjadi pengantara yang baik diantara pelajar dan juga pengurusan universiti. Akhir sekali, barisan MPP USIM juga perlu menyusun strategi untuk mengadaptasi norma baharu yang lebih

mencabar, bukannya menganggap sebagai satu bebanan tetapi hakikatnya menjadi satu idea dan juga cetusan motivasi untuk mewujudkan inovasi yang lebih jauh khususnya di peringkat universiti,” katanya.

Pemilihan Kerusi Umum menyaksikan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Mior Muhammad Khalis Mior Ahmad Zaini yang juga merupakan mantan Naib Yang Dipertua Persatuan Pelajar FPQS sesi 2019/2020 telah mendapat undian tertinggi iaitu sebanyak 6,480.

Mior Muhammad Khalis berkata, terdapat tiga manifesto yang di bawa olehnya iaitu merencanakan latihan digital, memperkasakan latihan keusahawanan kepada siswa, dan akhir sekali menambahbaik sistem USIM Mobile.

Beliau berkata, dalam waktu pandemik covid-19, medium yang digunakan untuk berkempen adalah dengan mengumpul semua sahabat USIM dan mahasiswa/wi USIM dalam satu kumpulan Whatsapp dan membuat siaran langsung di laman Instagramnya sendiri.

Beliau berharap agar barisan MPP USIM 2020/2021 menjadi sebuah keluarga yang rapat dan saling bekerjasama antara satu sama lain dan menjadi contoh yang terbaik.